

**DASAR LUAR INDONESIA TERHADAP  
MALAYSIA: KAJIAN KES AMBALAT DAN  
TENAGA KERJA INDONESIA (TKI)**

**ALI MAKSUM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2016**

**DASAR LUAR INDONESIA TERHADAP  
MALAYSIA: KAJIAN KES AMBALAT DAN  
TENAGA KERJA INDONESIA (TKI)**

**Oleh:**

**ALI MAKSUM**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
bagi ijazah Doktor Falsafah**

**Mac 2016**

## PENGHARGAAN

Penyelidik amat bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan inayah-Nya kajian mengenai “Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia: Kajian Kes Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI)” ini dapat diselesaikan. Penyelidik mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Reevany Bustami sebagai penyelia utama dan juga Prof. Madya. Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk sebagai penyelia bersama sekali gus Pengarah di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS) serta Prof. Mohd Kamarulnizam Abdullah sebagai pemeriksa luar yang tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar dan cadangan-cadangan sepanjang kajian ini dijalankan.

Penyelidik ucapkan berbilang terima kasih kepada para pegawai, kakitangan, pembantu penyelidik dan ahli-ahli penyelidik di CenPRIS khasnya Prof. Dato’ Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, Prof. Madya. Dr. Mohd Azhari Abdul Karim, Samsuriati Syamsuddin, Aniza Daud, Noraini, Norani, Dr. Sazlina Md. Salleh, Dina Miza Suhaimi, Tan Bee Wah di atas segala bantuan, dorongan dan semangat yang diberikan. Ucapan terima kasih juga kepada semua sahabat khasnya Alfin Syafalni, Eky Ermal Muttaqin dan Supriyanto di atas segala galakan dan bantuan yang telah diberikan. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan kajian ini.

Penyelidik merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada ibu dan bapa tercinta, Munasri dan Radjudin (Allahyarham); Siti Fatchijah dan Abdul Fattah (Allahyarham) dan kedua abang, Mujaroini dan Ahmad Khozin yang sentiasa berdoa

dan menyokong penulis. Akhir sekali, penulis merakamkan terima kasih kepada isteri tercinta Anieke Muflihah dan putra tercinta Azfar Mirza Noh.

Demikian semoga kajian ini bermanfaat. Walau bagaimanapun, penulis dengan suka cita menerima pelbagai cadangan dan kritikan yang boleh meningkatkan kualiti tesis ini.

## KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI FOTO</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>ABSTRAK</b>	xvi
<b><i>ABSTRACT</i></b>	xviii
<b>BAB I      PENDAHULUAN</b>	1
1.1      Pengenalan .....	1
1.2      Sorotan Literatur .....	5
1.3      Permasalahan Kajian .....	11
1.4      Objektif Kajian .....	15
1.5      Hipotesis Kajian .....	16
1.6      Kerangka Teori .....	16
1.7      Skop Kajian .....	18
1.8      Kepentingan Kajian .....	18
1.9      Metodologi Kajian .....	19
1.9.1. Teori dan Kajian Kes .....	20

	1.9.2. Kaedah Pengumpulan Data .....	22
	1.9.3. Kaedah Analisis Data .....	24
	1.9.4. Pembentangan Data .....	26
1.10	Pembahagian Bab .....	28
<b>BAB II</b>	<b>DASAR LUAR INDONESIA TERHADAP MALAYSIA:</b>	30
	<b>SATU PERBINCANGAN TEORIKAL</b>	
2.1.	Pendahuluan .....	30
2.2.	Pendekatan Utama Hubungan Antarabangsa .....	31
	2.2.1. Realisme .....	31
	2.2.2. Liberalisme .....	33
	2.2.3. Konstruktivisme .....	35
	2.2.4. Antara Realisme, Liberalisme dan Konstruktivisme .....	38
2.3.	Realisme Defensif dan Cabang-Cabang Pemikiran Realisme.....	44
2.4.	Realisme Defensif Sebagai Kerangka Teori .....	48
2.5.	Kesimpulan .....	68
<b>BAB III</b>	<b>TREND , PEMBANGUNAN DAN DINAMIKA DASAR</b>	71
	<b>LUAR INDONESIA TERHADAP MALAYSIA DALAM</b>	
	<b>KONTEKS HUBUNGAN DUA HALA</b>	
3.1.	Pengenalan .....	71

3.2.	Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia Selama Perang Dingin (1957-1990): Konfrontasi, Kompromi dan Bersaingan.....	72
3.3.	Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia Pasca Perang Dingin (1990-2009): Campur Tangan, Kompromi dan Tegas.....	81
3.4.	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Hubungan Indonesia-Malaysia.....	87
	3.4.1. Faktor Luaran/Sistemik .....	88
	3.4.2. Faktor Dalaman/Domestik .....	94
3.5.	Kesimpulan .....	99
<b>BAB IV</b>	<b>DASAR LUAR INDONESIA TERHADAP MALAYSIA</b>	<b>101</b>
	<b>DALAM KES AMBALAT</b>	
4.1.	Pengenalan .....	101
4.2.	Latar Belakang Masalah Persempadanan Indonesia-Malaysia.....	102
4.3.	Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia Dalam Kes Ambalat .....	108
	4.3.1. Kes Ambalat I (2005) .....	113
	4.3.1.1. Latar Belakang dan Senario .....	113
	4.3.1.2. Situasi Dalaman .....	121
	4.3.2. Kes Ambalat II (2009) .....	125

	4.3.2.1. Latar Belakang dan Senario .....	125
	4.3.2.2. Situasi Dalaman .....	133
4.4.	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia Dalam Kes Ambalat.....	136
	4.4.1. Faktor Luaran/Sistemik .....	137
	4.4.2. Faktor Dalaman/Domestik.....	139
4.5.	Kesimpulan .....	143
<b>BAB V</b>	<b>DASAR LUAR INDONESIA TERHADAP MALAYSIA</b>	<b>145</b>
	<b>DALAM KES TENAGA KERJA INDONESIA (TKI)</b>	
5.1.	Pengenalan .....	145
5.2.	Latar Belakang Kedatangan Tenaga Kerja Indonesia ke Malaysia .....	146
5.3.	Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia Dalam Kes Tenaga Kerja Indonesia (TKI) di Malaysia.....	156
	5.3.1. Latar Belakang dan Senario .....	156
	5.3.2. Situasi Dalaman .....	168
5.4.	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia Dalam Kes Tenaga Kerja Indonesia.....	179
	5.4.1. Faktor Luaran/Sistemik .....	180
	5.4.2. Faktor Dalaman/Domestik.....	183
5.5.	Kesimpulan .....	186
<b>BAB VI</b>	<b>RUMUSAN AKHIR</b>	<b>188</b>



6.1.	Pengenalan .....	180
6.2.	Dapatan Kajian .....	189
6.3.	Dapatan Teori .....	195
6.4.	Batasan dan Kajian Masa Depan .....	204
<b>RUJUKAN</b> .....		
Senarai Temu Bual .....		

## SENARAI RAJAH

			Halaman
Rajah	2.1	: Perbandingan Teori Realisme, Liberalisme dan Konstruktivisme	38
Rajah	2.2	: Perkembangan Teori Realisme Defensif	56
Rajah	2.3	: Model Realisme Defensif dalam Proses Pembuatan Dasar Luar Indonesia Terhadap Malaysia	60
Rajah	2.4	: Bentuk Tingkah Laku/Dasar Luar Dalam Teori Realisme Defensif	62
Rajah	2.5	: Analisis Realisme Defensif Dalam Proses Pembuatan Dasar Luar	68
Rajah	3.1	: Perkembangan Kerjasama Ekonomi Indonesia dan Malaysia	92
Rajah	4.1	: Beberapa Organisasi yang Melakukan Bantahan Dalam Isu Ambalat I	116
Rajah	4.2	: Senarai Harga Barangan yang Mengalami Kenaikan Selepas Tahun 2005	122
Rajah	4.3	: Hasil Undi Parti-Parti Utama Pada Pilihan Raya Umum 2009	134
Rajah	5.1	: Sektor-Sektor Pekerjaan TKI di Malaysia	149
Rajah	5.2	: Beberapa Siri Penderaan TKI di Malaysia (2004-2009)	157
Rajah	5.3	: Senarai Kes TKI di Malaysia (2006-2008)	160
Rajah	6.1	: Bentuk Tingkah Laku/Dasar Luar Indonesia Dalam Kes Ambalat dan TKI	202

## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 4.1 : Peta Blok Ambalat	110

## SENARAI SINGKATAN

3D	: Dirty, Dangerous and Difficult
AEC	: ASEAN Economic Community
AKF	: Asian Karatedo Federation
AMPG	: Angkatan Muda Parti Golkar
ASEAN	: Association of Southeast Asian Nations
ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
BBM	: Bahan bakar minyak
BNP2TKI	: Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan Tenaga Kerja Indonesia
BP	: British Petroleum
BPS	: Badan Pusat Statistik Indonesia
CIA	: Central Intelligence Agency
CSB	: Continental Shelf Boundaries
DEB	: Dasar Ekonomi Baru
DI/TII	: Darul Islam/Tentara Islam Indonesia
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat
ENI	: Ente Nazionale Idrocarburi
FAMERPA	: Forum Aksi Mahasiswa Merah Putih
FBI	: Front Bela Indonesia
FBR	: Forum Betawi Rempug
FEER	: Far Eastern Economic Review

FIR	:	Flight Information Region
FPMP	:	Front Pembela Merah Putih
G30S/PKI	:	Gerakan 30 September/PKI
GBC	:	General Border Committee
GEMARS	:	Gerakan Masyarakat Anti-Arogansi Surakarta
HRW	:	Human Right Watch
ICJ	:	International Justice Court
ILO	:	International Labor Organization
IOM	:	International Organization for Migration
KBRI	:	Kedutaan Besar Republik Indonesia
KBRI	:	Komando Bela Republik Indonesia
KD	:	Kapal Diraja
KM	:	Kapal Motor
KOGAM	:	Komando Ganyang Malaysia
KM	:	Kapal Motor
KPK	:	Komisi Pembantasan Korupsi
KPU	:	Komisi Pemilihan Umum
KRI	:	Kapal Republik Indonesia
KTLN	:	Kartu Tenaga Kerja Luar Negeri
LIPS	:	Lembaga Informasi Perburuhan Sedane
MAGERAN	:	Majlis Gerakan Negara
Malindo Corpat	:	Malaysia-Indonesia Coordinated Patrol

MEF	:	Minimum Essential Forces
MoU	:	Memorandum of Understanding
MPR	:	Majelis Permesyuaratan Rakyat
MoU	:	Memorandum of Understanding
NAM	:	Non-Aligned Movement
NATO	:	North Atlantic Treaty Organisation
NGO	:	Non-Government Organization
Ops Nyah	:	Operasi Nyah
PAN	:	Parti Amanat Nasional
PAS	:	Parti Islam Se-Malaysia
PATI	:	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	:	Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDI-P	:	Parti Demokrasi Indonesia-Perjuangan
PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
Pekat-Indonesia Bersatu	:	Pembela Kesatuan Tanah Air Indonesia Bersatu
PERMESTA	:	Piagam Perjuangan Semesta
PKB	:	Parti Kebangkitan Bangsa
PKI	:	Parti Komunis Indonesia
PKM	:	Parti Komunis Malaya
PKS	:	Parti Keadilan Sejahtera
PPP	:	Parti Persatuan Pembangunan

PPTKLN	:	Penempatan dan Perlindungan Tenaga Kerja Luar Negeri
PRRI	:	Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia
PSKP	:	Pusat Penyelidikan Keselamatan dan Perdamaian
RAN	:	Rencana Aksi Nasional
RELA	:	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
Satgas	:	Satuan Tugas
SBY	:	Susilo Bambang Yudhoyono
SIS	:	Secret Intelligence Service
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
SUARAM	:	Suara Rakyat Malaysia
TKI	:	Tenaga Kerja Indonesia
TKW	:	Tenaga Kerja Wanita
TLDM	:	Tentera Laut Diraja Malaysia
TNI	:	Tentera Nasional Indonesia
TNI-AD	:	Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat
TNI-AL	:	Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut
TNI-AU	:	Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	:	United Malays National Organization
UU	:	Undang-Undang
UNCLOS	:	United Nations Convention on the law of the Sea

UNOCAL : Union Oil Company of California  
USM : Universiti Sains Malaysia  
ZOPFAN : Zone of Peace, Freedom and Neutrality



**DASAR LUAR INDONESIA TERHADAP MALAYSIA: KAJIAN KES  
AMBALAT DAN TENAGA KERJA INDONESIA (TKI)**

**ABSTRAK**

Tesis ini membincangkan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia khususnya dalam kes Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Kajian ini penting kerana dasar luar Indonesia terhadap Malaysia menunjukkan satu perubahan dalam beberapa dekad kebelakangan. Perubahan tersebut berimpak kepada timbulnya ketegangan hubungan Indonesia-Malaysia terutama dalam kedua-dua kes. Secara amnya kajian ini ingin menjawab tiga persoalan penting iaitu (i) bagaimanakah perubahan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia?; (ii) bagaimanakah dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam kes Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI)?; (iii) bagaimanakah pengaruh struktur antarabangsa dalam menjelaskan perubahan corak dan tingkah laku dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam isu Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI)?. Oleh kerana itu, dengan menggunakan teori Realisme Defensif, kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu (i) membincangkan corak dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam konteks pembangunan hubungan dua hala Indonesia-Malaysia; (ii) menganalisis dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam kes Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) dan faktor-faktor yang mempengaruhinya; (iii) menganalisis kesesuaian Realisme Defensif bagi menjelaskan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam isu Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa suasana baru struktur politik antarabangsa selepas berakhirnya Perang Dingin mempengaruhi perubahan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam kedua-dua kes berkenaan.

Bagaimanapun, faktor lain seperti kepemimpinan, persaingan politik dalaman, sentimen nasionalisme dan provokasi media juga mempengaruhi sikap dan kelakuan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia.

Kata kunci: dasar luar Indonesia, Realisme Defensif, Perang Dingin, struktur antarabangsa, Ambalat, Tenaga Kerja Indonesia (TKI)

**THE INDONESIAN FOREIGN POLICY TOWARDS MALAYSIA: THE CASE  
STUDY OF AMBALAT AND INDONESIAN WORKERS (TKI)**

**ABSTRACT**

This thesis examines the Indonesia foreign policy towards Malaysia, specifically in the case of Ambalat and Indonesian workers (TKI). This study is important due to some changes in the Indonesian foreign policy towards Malaysia that have occurred in last few decades. The changes were significantly impacted to the rise of the tension between the two countries especially in the both cases. Generally, this study attempts to answer three main questions namely (i) how has the changes in Indonesian foreign policy towards Malaysia?; (ii) how has the changes in Indonesian foreign policy towards Malaysia in the case of Ambalat and Indonesian workers (TKI)?; (iii) to what extent has the impact of international structure on the changes of the pattern and behavior of Indonesian foreign policy towards Malaysia in the case of Ambalat and Indonesian workers (TKI)?. Therefore, using Defensive Realism, this study has three main objectives (i) to discuss the trend of Indonesian foreign policy towards Malaysia in the context of the Indonesia-Malaysia bilateral relations; (ii) to analyze the Indonesian foreign policy towards Malaysia in the case of Ambalat and Indonesian workers (TKI) and the influence factors; (iii) to analyze the application of Defensive Realism to explain Indonesian foreign policy towards Malaysia in the case of Ambalat and Indonesian workers (TKI). The findings of this study demonstrated that the new international political structure after the end of the Cold War was tremendously impact to the Indonesian foreign policy towards Malaysia in the two cases. Nevertheless, other factors such as leadership,

domestic politics competition, sentiment of nationalism and media provocation also give significant impact to the posture and behavior of Indonesian foreign policy towards Malaysia.

Keywords: Indonesian foreign policy, Defensive Realism, Cold War, international structure, Ambalat, Indonesian workers (TKI)

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Hubungan Indonesia-Malaysia dapat dikatakan sebagai teras kepada kestabilan politik dan keselamatan rantau Asia Tenggara. Sebagai negara berjiran pula hubungan kedua-dua negara kerap kali tidak mesra dan berdepan banyak masalah.<sup>1</sup> Namun hubungan serumpun tersebut kurang mendapat perhatian daripada para sarjana hubungan antarabangsa.<sup>2</sup> Justeru itu, kajian ini boleh memperkaya dan memperkasakan lagi topik yang selama ini dilihat kurang menjadi tumpuan para penyelidik hubungan antarabangsa. Pada masa sama, hubungan Indonesia-Malaysia agak unik kerana faktor keserumpunan dalam beberapa aspek misalnya bangsa, agama dan budaya.<sup>3</sup>

Apabila membincangkan hubungan Indonesia-Malaysia maka sudah menjadi kewajaran ia dihubungkan dengan pelbagai peristiwa yang menandai naik dan turunnya kualiti hubungan kedua-dua buah negara. Peristiwa-peristiwa seperti Konfrontasi diikuti oleh penubuhan *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) dan pelbagai kes yang menimpa pekerja Indonesia di Malaysia sentiasa dihubungkan dengan hubungan kedua-dua negara. Selain itu, hubungan serumpun dan hubungan “Abang-Adik” juga menjadi dua istilah yang amat penting dalam perbincangan hubungan Indonesia-Malaysia. Sudah semestinya istilah “keserumpunan” memainkan

---

<sup>1</sup> Meredith L. Weiss, “Malaysia-Indonesia Bilateral Relations: Sibling Rivals in a Fraught Family,” dalam *International Relations in Southeast Asia: Between Bilateralism and Multilateralism*, eds. N. Ganesan and Ramses Amer (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2010), 171.

<sup>2</sup> Joseph Chinyong Liow, *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nations* (London: Routledge Curzon, 2005), 1.

<sup>3</sup> Rohani Hj. Ab. Ghani (ed), *Malaysia-Indonesia: Kepelbagaian Sudut Pandang* (Sintok, Kedah: UUM Press), 2.

peranan amat penting dalam hubungan kedua-dua buah negara. Sebahagian pakar berkeyakinan bahawa tamatnya Konfrontasi dalam masa yang singkat adalah bukti bahawa “keserumpunan” merupakan faktor penting dalam hubungan Indonesia-Malaysia.<sup>4</sup>

Menurut Joseph Liow kemuncak hubungan Indonesia-Malaysia berlaku ketika Malaysia di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak dan Indonesia di bawah kepimpinan Suharto. Malah, Joseph Liow mendefinisikan hubungan Indonesia-Malaysia pada era tersebut sebagai “Tahun Emas” hubungan kedua-dua negara.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, seiring dengan berjalannya masa hubungan Indonesia-Malaysia mengalami perubahan yang cukup signifikan. Istilah-istilah serumpun dan “Abang-Adik” mula bertukar kepada isu-isu yang cenderung menggugat hubungan dua hala. Isu-isu tersebut misalnya berkaitan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), Tenaga Kerja Indonesia (TKI),<sup>6</sup> tuntutan bertindih wilayah sempadan, sengketa batik, tarian dan lain sebagainya. Justeru, bangkitnya isu-isu tersebut semakin meruncingkan hubungan kedua-dua negara berikutan timbulnya “Ganyang Malaysia” dan manipulasi istilah “Indon” oleh media massa Malaysia.

---

<sup>4</sup> Abubakar Eby Hara, “Hubungan Indonesia dan Malaysia: dari Saudara Serumpun ke ‘Smart Partnership’?,” kertas kerja dibentangkan di Seminar Internasional Indonesia-Malaysia Up Date, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia, 27-29 Mei, 2008. Sila lihat juga Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia-Indonesia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

<sup>5</sup> Liow, 5.

<sup>6</sup> Tenaga Kerja Indonesia (TKI) adalah istilah yang akan digunakan dalam bahagian-bahagian seterusnya. Hal ini kerana istilah ini umum diguna pakai khasnya di Indonesia dan penulis mengekalkan istilah ini bagi memudahkan sebutan. Selain itu, istilah TKI adalah hanya khas digunakan bagi menyebut pekerja Indonesia sektor bukan formal seperti pembantu rumah, pekerja pembuatan, pekerja pembinaan dan lain-lain. Sedangkan pekerja Indonesia di sektor formal misalnya pensyarah, penyelidik dan lain-lain tidak dimasukkan dalam kategori TKI. Sila lihat International Organization for Migration, *Migrasi Tenaga Kerja dari Indonesia: Gambaran Umum Migrasi Tenaga Kerja Indonesia di Beberapa Negara Tujuan di Asia dan Timur Tengah* (Jakarta: Organisasi Internasional untuk Migrasi, 2010).

Fenomena di atas jelas merupakan satu kemunduran dalam hubungan Indonesia-Malaysia. Ini kerana hubungan yang sudah menginjak usia lima puluh tahun lebih, semestinya terbentuk satu hubungan yang semakin matang. Namun dalam hubungan antarabangsa konsep “matang” kurang relevan untuk diaplikasikan kerana hubungan Indonesia-Malaysia bukanlah hubungan antara “Abang-Adik.” Hubungan kedua-dua buah negara ialah hubungan antara negara (*state*) yang bersikap dan bertingkah laku tidak seperti seorang individu manusia. Sungguhpun demikian, secara langsung ataupun tidak langsung sifat-sifat kemanusiaan (*human nature*) yang melekat pada para perumus dasar luar boleh mempengaruhi corak dan proses perumusan dasar luar. Hal ini berlaku disebabkan para perumus dasar luar kedua-dua negara juga manusia dengan sikap, keperibadian dan gaya kepimpinan yang pelbagai. Selain itu, hubungan yang bersifat peribadi seperti “benci”, “cinta”, “takut” dan “dendam” sering kali mempengaruhi hubungan antarabangsa.<sup>7</sup> Oleh kerana itu, menjadi satu kewajaran apabila istilah-istilah masa lampau yang sensitif sering menimbulkan ketegangan hubungan Indonesia-Malaysia.

Apabila melihat kembali ke belakang, sejarah hubungan Indonesia-Malaysia tidak selalu berjalan dengan lancar. Pada era sebelum merdeka kedua-dua negara mempunyai hubungan yang amat rapat. Hubungan yang harmoni ini berlaku kerana kukuhnya hubungan “nasionalisme” di antara pemuda-pemuda di Indonesia dan Tanah Melayu dalam menentang penjajahan. Selepas Malaysia mengecapi kemerdekaan, hubungan “nasionalisme” yang demikian berubah kerana golongan nasionalis tidak mendapat tempat dalam percaturan politik Tanah Melayu. Malahan,

---

<sup>7</sup> Sifat-sifat kemanusiaan demikian sememangnya wujud dalam hubungan antarabangsa dan ia termasuk faktor yang cukup mempengaruhi corak dan persepsi negara dalam melakukan hubungan antarabangsa. Untuk perbincangan lanjut sila lihat Shiping Tang, “Fear in International Politics: Two Positions,” *International Studies Review* 10, no. 3 (2008): 451–471.

hubungan kedua-dua negara berubah secara drastik berikutan Konfrontasi yang dilancarkan oleh Sukarno. Selepas pentadbiran Sukarno hubungan kedua-dua negara kembali rapat berikutan Suharto dan rejim tentera pro-Barat yang berjaya memperoleh kuasa di Indonesia. Adapun selepas Suharto sehingga Indonesia di bawah pentadbiran Susilo Bambang Yudhoyono (SBY)<sup>8</sup> hubungan Indonesia-Malaysia dapat dikatakan harmoni. Namun pada masa sama, kedua-dua buah negara pula sering kali berdepan pelbagai masalah yang cukup mengganggu hubungan dua hala.

Beberapa tokoh di Malaysia juga berpendapat bahawa semasa pentadbiran Suharto, hubungan kedua-dua negara amat harmoni. Mantan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Syed Hamid Albar misalnya menegaskan bahawa, “semenjak Suharto menjadi Presiden Indonesia, hubungan Indonesia-Malaysia mesra.”<sup>9</sup> Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa hubungan Indonesia-Malaysia berjalan cukup rapat semasa era Suharto. Hal ini tidak lain disebabkan dasar luar mesra Indonesia terhadap Malaysia di bawah pentadbiran Suharto. Sebagai negara berjiran kedua-dua negara sudah semestinya berdepan pelbagai masalah, namun ia berjaya diselesaikan dan tidak sampai menjejaskan hubungan dua hala. Tun Dr. Mahathir menyatakan bahawa, “wujud beberapa sengketa di antara kedua-dua negara, tetapi sengketa itu tidak pernah menimbulkan Konfrontasi antara negara. Kita (kedua-dua negara) mempunyai sengketa persempadanan, tetapi kita dapat menyelesaikan semua masalah.”<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Dalam tesis ini istilah SBY kekal diguna pakai. Hal ini kerana ia adalah gelaran kepada Presiden Susilo Bambang Yudhoyono yang dikenalkan beliau sendiri dan sudah biasa diguna pakai oleh sesiapa sahaja bagi menyebut nama beliau.

<sup>9</sup> “Ucapan Belasungkawa atas Wafatnya Soeharto Mengalir dari dalam dan luar negeri,” *Antara*, 28 Januari, 2008, tersedia dalam <http://www.antaranews.com/view/?i=1201488495&c=NAS&s=> (diakses 13 Mac 2013).

<sup>10</sup> “Mahathir: Malaysia Berhutang Budi ke Soeharto,” *Gatra* 27 Januari, 2008, tersedia dalam <http://arsip.gatra.com/2008-01-27/artikel.php?id=111667> (diakses 13 Mac 2013).



Merujuk kepada kenyataan Tun Dr. Mahathir dan Syed Hamid Albar berhubung perjalanan hubungan Indonesia-Malaysia, menunjukkan bahawa hubungan dua hala mengalami perubahan berikutan transformasi dasar luar Indonesia pasca Suharto. Perubahan tersebut membawa kepada tergugatnya hubungan Indonesia-Malaysia. Misalnya kes campur tangan Presiden Habibie dan Abdurrahman Wahid (Gus Dur) ke atas kes Anwar Ibrahim-Mahathir disusuli kes sengketa Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan dan kes Ambalat, kes sengketa produk budaya dan kes penderaan pekerja Indonesia. Walaupun perubahan-perubahan telah berlaku, namun tidak sampai pada peringkat pelancaran dasar konfrontasi sebagaimana era Sukarno. Justeru itu, perubahan hubungan sedemikian perlu untuk diteliti lebih lanjut agar mendapatkan jawapan tepat berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi dasar luar Indonesia terhadap Malaysia.

## **1.2 Sorotan Literatur**

Semenjak kedua-dua negara mencapai kemerdekaan, beberapa sarjana telah membuat kajian berhubung pasang-surutnya hubungan dua-hala Indonesia-Malaysia dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang berbeza. Penulis berpandangan bahawa hubungan Indonesia-Malaysia menjadi topik kajian menarik apabila berlakunya isu-isu yang dapat mengganggu hubungan dua-hala. Isu-isu seperti konfrontasi pada era Presiden Sukarno dan konflik-konflik sempadan pada era selepas Presiden Suharto adalah topik yang amat menarik bagi para penyelidik hubungan Indonesia-Malaysia. Penulis mendapati bahawa daripada beberapa rujukan hanya membincangkan hubungan Indonesia-Malaysia semasa konfrontasi dan isu-isu baru seperti konflik sempadan, isu dan isu pekerja Indonesia dengan pelbagai hujah.

Dalam kes Konfrontasi pelbagai pandangan pula muncul bagi menjelaskan faktor-faktor seputar peristiwa tersebut. George McT. Kahin misalnya berpendapat bahawa nasionalisme merupakan antara faktor paling dominan di tengah-tengah konflik politik dalaman antara komunis dan tentera yang menjadikan Indonesia bersikap agresif terhadap penubuhan Malaysia.<sup>11</sup> Sementara Nik Anuar Nik Mahmud menyatakan bahawa penubuhan Malaysia merupakan punca timbulnya Konfrontasi.<sup>12</sup> Menurut J.A.C Mackie sikap agresif Indonesia amatlah dipengaruhi oleh sikap keras Sukarno berikutan bantahan terhadap penubuhan Malaysia. Selain itu, sikap Sukarno sebagaimana dinyatakan oleh Kahin juga amat dipengaruhi persaingan politik dalaman antara kelompok komunis dan anti-komunis. Namun begitu Mackie secara tidak langsung menjelaskan bahawa senario politik antarabangsa memainkan peranan yang amat penting dalam mencetuskan Konfontasi.<sup>13</sup>

Sementara itu, Menurut Kunaseelan Muniandy sikap agresif Sukarno lebih disebabkan oleh sentimen beliau terhadap Tunku Abdul Rahman yang dinilai sebagai “boneka” penjajah British.<sup>14</sup> Dalam pada itu, menurut Chua Lu Fong selain faktor nasionalisme, dasar Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia disebabkan oleh beberapa faktor iaitu percaturan politik Perang Dingin, kerumitan politik dalaman dan serantau serta kepimpinan Sukarno yang radikal.<sup>15</sup> Jan M. Pluiver pula tidak menyanggah bahawa nasionalisme Indonesia merupakan faktor penting disebalik Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia. Dalam pada itu, penglibatan kuasa-kuasa

---

<sup>11</sup> George McT. Kahin, “Malaysia and Indonesia,” *Pacific Affairs* 37, no. 3 (Autumn 1964): 253-270, 260.

<sup>12</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia-Indonesia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

<sup>13</sup> J.A.C. Mackie, *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute, 1963-1966* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974).

<sup>14</sup> Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

<sup>15</sup> Chua Lu-Fong, *Konfrontasi: Rethinking Explanations for the Indonesia-Malaysia Confrontation, 1963-1966* (M.Sc. Thesis, Massachusetts Institute of Technology, 2001).

besar pula dinilai sebagai faktor penting dalam peristiwa Konfrontasi. Menurut Abdullah Dahana, China sebagai salah satu kuasa besar komunis dianggap sangat menyokong kempen “Ganyang Malaysia.”<sup>16</sup> Demikian pula dengan peranan kuasa besar Amerika Syarikat dan sekutunya di kedua-dua negara yang menurut Mohd Noor Yazid menjadi faktor utama berlakunya peristiwa Konfrontasi.<sup>17</sup> Dalam konteks identiti, keserumpunan dinilai sebagai faktor yang cukup penting dalam menamatkan Konfrontasi berikutan rampasan kuasa tahun 1965 di Jakarta.<sup>18</sup>

Dalam kajian lepas pula terdapat beberapa sarjana yang membincangkan berkaitan isu-isu kontemporari dengan pelbagai sudut pandang. Terdapat dua sarjana yang secara khusus membincangkan isu persempadanan khasnya sengketa Sipadan-Ligitan iaitu Nik Anuar Nik Mahmud dan J. G. Merrills. Nik Anuar Nik Mahmud dalam satu kajian terbaru menyatakan bahawa berdasarkan bukti sejarah, dokumen dan kronologi tuntutan kedua-dua negara ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, Malaysia sememangnya pemilik sebenar kedua-dua pulau berkenaan.<sup>19</sup> J. G. Merrills pula mempunyai pendapat sama bahawa Indonesia tidak mempunyai cukup bukti yang boleh menguatkan hujah-hujahnya.<sup>20</sup> Adapun menurut Asri Salleh penunjukan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) adalah tepat kerana penyelesaian di peringkat ASEAN menerusi *ASEAN High Council (AHC)* mengalami kebuntuan dan

---

<sup>16</sup> Abdullah Dahana, “China’s Role in Indonesia’s “Crush Malaysia” Campaign,” *Makara, Sosial-Humaniora* 6, no. 2 (December 2002): 58-68.

<sup>17</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic Powers, Radical Politics & Developmental State: The Case of Indonesia-Malaysia Political Relations During the Cold War* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007).

<sup>18</sup> B.L.S. Wahyu Wardhani, “Indonesia-Malaysia Relations In The Post-Confrontation Era: The Role of The Serumpun Concept,” *Masyarakat, Kebudayaan dan Politik* 12, no. 3-4 (October 1999): 25-44.

<sup>19</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).

<sup>20</sup> J. G. Merrills, “Sovereignty over Pulau Ligitan and Pulau Sipadan (Indonesia v Malaysia), Merits, Judgment of 17 December 2002,” *The International and Comparative Law Quarterly* 52, no. 3 (July 2003): 797-802. Perbincangan lain sila lihat J. G. Merrills, “Sovereignty over Pulau Ligitan and Pulau Sipadan (Indonesia v Malaysia): The Philippines’ Intervention,” *The International and Comparative Law Quarterly* 51, no. 3 (July 2002): 718-722.

berpotensi menimbulkan konflik di antara kedua-dua negara dan juga sesama anggota ASEAN.<sup>21</sup>

Menurut Ratna Shofia Inayati, selepas kes Sipadan-Ligitan yang “dimenangi” Malaysia, hubungan Indonesia-Malaysia agak terganggu berikutan rasa tidak puas hati sebahagian pihak di Indonesia.<sup>22</sup> Hal ini mencapai puncaknya ketika berlaku kes Ambalat yang turut menimbulkan “reaksi perang” Indonesia ke atas Malaysia.<sup>23</sup> Malahan, para penulis di Indonesia pula turut mengapi-apikan dengan melakukan penerbitan-penerbitan sensasi berbau provokasi. Antaranya Efantino F. dan Arifin SN yang menerbitkan buku dengan tajuk “*Ganyang Malaysia: Hubungan Indonesia-Malaysia Sejak Konfrontasi Sampai Konflik Ambalat.*”<sup>24</sup> Penulisan yang serupa juga dilakukan oleh Wawan H. Purwanto yang memandang masa depan hubungan Indonesia dengan rasa pesimistik.<sup>25</sup> Walaupun kajian Efantino F. dan Arifin SN dan Wawan kurang sistematik namun hal tersebut cukup memberikan gambaran negatif sebahagian pihak di Indonesia ke atas masa depan hubungan kedua-dua negara serumpun.

Menurut I Made Andi Arsana timbulnya pelbagai kes persempadanan termasuk Ambalat adalah berpunca daripada permasalahan sempadan di antara kedua-dua negara yang belum selesai sepenuhnya.<sup>26</sup> Implikasinya, timbul reaksi dan

---

<sup>21</sup> Asri Salleh, “Dispute Resolution through Third Party Mediation: Malaysia and Indonesia,” *Intellectual Discourse* 15, no.2 (2007): 147-165.

<sup>22</sup> Ratna Shofia Inayati, “Diplomasi Indonesia-Malaysia: Kasus Ambalat,” *Komunika* 10, no.1 (2007): 55-62.

<sup>23</sup> Ramli Dollah et.al., “Isu Ambalat: Reaksi Perang Indonesia ke atas Malaysia dan Implikasi Kepada Keselamatan Serantau,” *Malaysia in History*, no. 35 (2007): 103-118.

<sup>24</sup> Efantino F. dan Arifin SN, *Ganyang Malaysia: Hubungan Indonesia-Malaysia Sejak Konfrontasi Sampai Konflik Ambalat* (Yogyakarta: Bio Pustaka, 2009).

<sup>25</sup> Wawan H. Purwanto, *Panas-Dingin Hubungan Indonesia-Malaysia* (Jakarta: CMB Press, 2010).

<sup>26</sup> I Made Andi Arsana, “Penyelesaian Sengketa Ambalat Dengan Delimitasi Maritim: Kajian Geospasial Dan Yuridis,” *Jurnal Ilmiah Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik* 1, no. 1 (2010): 46-58.

bantahan keras di merata-rata tempat di pelusuk Indonesia. Menurut Sam-el Ladh hal ini disebabkan kes Ambalat telah “diambil alih” oleh media massa sehingga menimbulkan reaksi keras daripada pelbagai kalangan masyarakat termasuk timbulnya sentimen anti-Malaysia dan isu “Ganyang Malaysia.”<sup>27</sup> Menurut Zaini Othman hal ini tidak lain kerana impak daripada bangkitnya nasionalisme selepas tamatnya Perang Dingin yang memberikan kesan hebat kepada perkembangan politik, sosial dan juga ekonomi dunia.<sup>28</sup> Perkara sedemikian disokong oleh Adri dalam konteks nasionalisme di kalangan komuniti Iban/Dayak di sempadan Indonesia-Malaysia dalam mana secara ekonomi mereka lebih memihak Malaysia namun masih lagi memiliki semangat nasionalisme sebagai warga Indonesia.<sup>29</sup> Walau bagaimanapun, Ramli Dollah dan Ahmad Mosfi Mohamad berpendapat bahawa hubungan kedua-dua buah negara ini sebenarnya amat erat dalam beberapa bidang lain misalnya hubungan kebudayaan, ekonomi, sukan dan sebagainya.”<sup>30</sup>

Sementara itu, para pengkaji keserumpunan dalam era kontemporari Indonesia-Malaysia mempunyai pendapat yang berbeza. Joseph Chinyong Liow misalnya berpendapat bahawa konsep serumpun telah mengalami transformasi dan semakin pudar selepas tertubuhnya Malaysia dan Indonesia sebagai dua negara yang berdaulat. Justeru, sebagai negara moden, Malaysia dipandang kurang menghormati konsep serumpun dan sering mencabar Indonesia.<sup>31</sup> Menurut Ruhanas Harun pula

---

<sup>27</sup> Sam-el Ladh, “Sengketa Blok Ambalat antara Malaysia dan Indonesia, menerapkan *“forgiveness in politics”* dan *“Just Peacemaking,”* *Etika dan Teologi Politik*, (2009): 1-9.

<sup>28</sup> Zaini Othman, “Nasionalisme dan Persoalan Identiti Politik di Sempadan: Kajian Kes Komuniti Murut Bantul, Daerah Nabawan, Sabah,” *Sosiohumanika* 1, no.1 (2008): 141-166.

<sup>29</sup> Adri, “Kontestasi Politik Identitas Dalam Fenomena Illegal Logging Di Perbatasan Indonesia-Malaysia: Studi di Kecamatan Badau dan Lanjak, Kabupaten Kapuas Hulu, Provinsi Kalimantan Barat,” *Journal Communication Spectrum* 1, no. 1 (Februari-Juli 2011): 75-90.

<sup>30</sup> Ramli Dollah dan Ahmad Mosfi Mohamad, “Perdagangan Tukar Barang Malaysia-Indonesia: Potensi dan Cabaran,” *Jati* 12, (December 2007): 83-106.

<sup>31</sup> Joseph Chinyong Liow, *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nations* (London: Routledge Curzon, 2005).

hubungan serumpun Malaysia-Indonesia yang sering disifatkan sebagai hubungan “Abang-Adik” mula kurang relevan.<sup>32</sup> Menurut Abubakar Eby Hara konsep tersebut sudah semakin kabur dan tidak sesuai lagi dengan situasi semasa.<sup>33</sup>

Transformasi peranan identiti berkaitan konsep keserumpunan termasuk “faktor Islam” di kedua-dua negara menurut Ahmad Nizar Yaakub amat erat kaitannya dengan perubahan-perubahan sama ada di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa.<sup>34</sup> Namun, menurut Lili Yulyadi Arnakim faktor Islam masih lagi relevan sebagai solusi ke atas pelbagai isu yang menggugat hubungan kedua-dua buah negara serumpun.<sup>35</sup> Transformasi ini menurut Khadijah Md. Khalid dan Shakila Yacob adalah impak terbesar daripada berkembangnya pendemokrasian ialah semakin berperannya pelaku-pelaku bukan negara seperti NGO, media massa dan “Anwar Ibrahim” dalam mencorakkan hubungan Jakara-Kuala Lumpur.<sup>36</sup> Pendapat Khadijah dan Shakila juga disokong oleh beberapa penyelidik Indonesia yang berpendapat bahawa media sebagai salah satu sumber ketegangan hubungan dua hala khususnya dalam isu kontemporari berkaitan persempadanan dan TKI.<sup>37</sup> Hal secara tidak langsung berimpak kepada transformasi peranan organisasi serantau. Walaupun

---

<sup>32</sup> Ruhanas Harun, “Kerjasama dan Konflik dalam Hubungan Malaysia-Indonesia,” dalam *Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges*, ed. Ruhanas Harun (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2006).

<sup>33</sup> Abubakar Eby Hara, “Hubungan Indonesia dan Malaysia: dari Saudara Serumpun ke ‘Smart Partnership’?,” kertas kerja dibentangkan di Seminar Internasional Indonesia-Malaysia Up Date, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia, 27-29 Mei, 2008.

<sup>34</sup> Ahmad Nizar Yaakub, *Malaysia and Indonesia: A Study of Foreign Policies with Special Reference to Bilateral Relations* (Ph.D. Thesis, The University of Western Australia, 2009).

<sup>35</sup> Lili Yulyadi Arnakim, “Hubungan Dinamik Antara Indonesia dan Malaysia Pasca Merdeka.” Terkait dengan Islam sebagai “*collective identity*” dan sebagai solusi untuk mengatasi konflik antara kedua-dua negara serumpun sila lihat Lili Yulyadi Arnakim, “Indonesia-Malaysia Dispute Settlement Mechanism,” dalam *Regionalism and Political Development in Southeast Asia*, eds. David Martin Jones and Lili Yulyadi Arnakim (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2009), 119-129.

<sup>36</sup> Khadijah Md. Khalid and Shakila Yacob, “Managing Malaysia-Indonesia Relations in the Context of Democratization: the Emergence of Non-State Actors,” *International Relations of the Asia-Pacific*, 12 (2012): 355-387.

<sup>37</sup> Evi Fitriani, ed., *Hubungan Indonesia-Malaysia Dalam Perspektif Sosial, Budaya, Negara dan Media: Kasus Perbatasan dan Pekerja Migran* (Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, 2012).

terdapat saluran bagi menyelesaikan konflik iaitu ASEAN, namun ASEAN gagal berfungsi kerana Indonesia dan Malaysia memilih untuk “tidak” menggunakannya.<sup>38</sup> Menurut Meredith Weiss hubungan sebenarnya terletak di peringkat tertinggi/elit dan bukannya dalam kerangka ASEAN.<sup>39</sup>

Walaupun kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas juga memiliki kekuatan dan kelemahan, namun kajian-kajian tersebut amat penting dalam membangunkan kajian yang lebih lengkap. Selain itu, terlihat bahawa masih sangat sedikit para pengkaji yang membincangkan secara sistematik hubungan Indonesia-Malaysia dengan menggunakan satu analisis teori hubungan antarabangsa. Sehubungan itu, penulis berpandangan bahawa mengkaji hubungan Indonesia-Malaysia daripada sudut pandang hubungan antarabangsa dengan menggunakan pendekatan teori yang lebih tepat dapat menjawab kekurangan dalam kajian-kajian lepas. Justeru, tesis ini diharapkan mampu memberi jawapan ke atas kelemahan beberapa kajian lepas.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Berdasarkan kepada latar belakang di atas maka hubungan Indonesia-Malaysia menunjukkan satu perubahan berbanding era sebelumnya. Daripada sudut pandang Indonesia, perubahan-perubahan tersebut mula terlihat selepas kejatuhan Presiden Suharto pada tahun 1998. Walaupun tidak sampai menjejaskan hubungan dua hala seperti melibatkan kontak fizikal, namun ketegangan yang berlaku cukup menjadi alasan mengapa isu hubungan dua hala Indonesia-Malaysia layak diketengahkan. Apa

---

<sup>38</sup> Chong Jinn Winn, "Mine, Yours or Ours?": The Indonesia-Malaysia Disputes over Shared Cultural Heritage," *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 27, no.1 (2012): 1-53.

<sup>39</sup> Meredith L. Weiss, "Malaysia-Indonesia Bilateral Relations: Sibling Rivals in a Fraught Family," dalam *International Relations in Southeast Asia: Between Bilateralism and Multilateralism*, eds. N. Ganesan and Ramses Amer (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2010), 171-198.

yang menarik, ketegangan tersebut tidak sampai menjejaskan hubungan mesra antara pemerintah Indonesia-Malaysia (*government-to-government*). Sebaliknya, ketegangan tersebut cukup tampak terutamanya di media-media arus perdana dan dunia siber di Indonesia. Natiujahnya hubungan antara masyarakat (*people-to-people*) sedikit sebanyak agak terganggu. Justeru, satu kajian saintifik perlu dilakukan bagi mensahihkan serta menyerlahkan lagi faktor-faktor yang menyebabkan ketagangan hubungan tersebut.

Daripada kajian-kajian lepas yang dibincangkan di bahagian sorotan literatur, masing-masing memiliki kekuatan dan kelemahan sama ada dari segi teori mahupun kesesuaian dengan kajian hubungan antarabangsa. Dalam kajian George McT. Kahin<sup>40</sup> dan J.A.C. Mackie<sup>41</sup> misalnya, ianya merupakan satu kajian hubungan antarabangsa yang menjelaskan proses berlakunya konfrontasi, peranan kuasa-kuasa besar serta konflik politik dalaman di kedua-dua negara. Namun begitu, kajian beliau tidak membahas secara terperinci tentang peranan struktur antarabangsa dalam membentuk hubungan dua hala. Dari segi pendekatan, kajian beliau juga lebih menyerupai kajian sejarah berbanding kajian hubungan antarabangsa. Begitu pula dengan kajian Nik Anwar Nik Mahmud<sup>42</sup> adalah merupakan kajian sejarah dan bukannya suatu analisis hubungan antarabangsa. Sementara itu, kajian Kunaseelan a/l Muniandy<sup>43</sup> pula sebagai kajian sejarah, sememangnya tidak merangka pentafsiran hubungan dua-hala tersebut dengan menggunakan teori hubungan antarabangsa.

---

<sup>40</sup> George McT. Kahin, "Malaysia and Indonesia," *Pacific Affairs* 37, no. 3 (Autumn 1964): 253-270.

<sup>41</sup> J.A.C. Mackie, *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute, 1963-1966* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974).

<sup>42</sup> Nik Anwar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia-Indonesia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

<sup>43</sup> Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).



Kekurangan yang sama turut dijumpai dalam kajian Efantino F. dan Arifin SN.<sup>44</sup> yang juga merupakan suatu kajian sejarah yang ringkas dan tidak menyentuh peranan struktur antarabangsa dalam mempengaruhi hubungan dua hala.

Sesungguhnya, terdapat dua kajian berhubung peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia iaitu kajian Chua LuFong<sup>45</sup> dan Mohd Noor Yazid<sup>46</sup> yang telah menggunakan pendekatan hubungan antarabangsa terutamanya berhubung teori keselamatan dan dasar luar. Walaupun Chua LuFong menggunakan pendekatan keselamatan, namun beliau tidak menyentuh secara langsung tentang peranan struktur antarabangsa dalam mencorakkan hubungan Indoensia-Malaysia tersebut. Begitu juga Mohd Noor Yazid, yang menyentuh secara luas tentang peranan struktur antarabangsa, tetapi tidak mengkaji dan mengaplikasi secara jelas teori tersebut. Sebaliknya, ianya lebih merupakan pengembangan konsep sistemik yang meminjam daripada pendekatan dasar luar James Rosenau.<sup>47</sup> Meskipun kedua-dua kajian tersebut memiliki kesamaan dengan kajian yang dicadangkan khususnya tentang peri pentingnya faktor sistemik dalam mencorakkan hubungan dua-hala Indonesia-Malaysia, namun kedua-duanya berbeza dari segi cakupan masa yang dikaji. Tempoh masa kajian Chua LuFong dan Mohd Noor adalah pada masa Perang Dingin sedangkan kajian ini bertumpu pada era pasca-Perang Dingin terutamanya era SBY.

---

<sup>44</sup> Efantino F. dan Arifin SN, *Ganyang Malaysia: Hubungan Indonesia-Malaysia Sejak Konfrontasi Sampai Konflik Ambalat* (Yogyakarta: Bio Pustaka, 2009).

<sup>45</sup> Chua Lu-Fong, *Konfrontasi: Rethinking Explanations for the Indonesia-Malaysia Confrontation, 1963-1966* (M.Sc. Thesis, Massachusetts Institute of Technology, 2001).

<sup>46</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic Powers, Radical Politics & Developmental State: The Case of Indonesia-Malaysia Political Relations During the Cold War* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007).

<sup>47</sup> James Rosenau, "Pre-theories and Theories of Foreign Policy," dalam *Approaches to Comparative and International Politics*, eds. R. Barry Farrell (Evanston, IL: Northwestern University Press, 1966), 27–92.

Selain itu, kajian Joseph Chinyong Liow<sup>48</sup>, Abubakar Eby Hara<sup>49</sup> dan Ahmad Nizar Yaakub<sup>50</sup> juga lebih merupakan kajian yang bersifat konstruktivisme sosial dan tidak menyentuh tentang peranan struktur antarabangsa dalam mempengaruhi hubungan dua-hala tersebut. Sebaliknya, kedua-duanya terlalu menekankan pentingnya peranan perubahan identiti (serumpun) dalam hubungan Indonesia-Malaysia sehinggakan mereka gagal memberi perhatian kepada pengaruh struktur antarabangsa yang juga berperanan penting dalam membentuk hubungan Indonesia-Malaysia ketika itu.

Bertolak daripada kekurangan dan kelemahan kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas, penulis mendapati bahawa peranan struktur antarabangsa dalam mempengaruhi hubungan Indonesia-Malaysia masih belum dibahas secara jelas dan terperinci. Walaupun kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas juga memiliki kekuatan dan kelemahan, namun kajian-kajian tersebut amat penting dalam membangunkan kajian yang lebih lengkap. Sehubungan itu, penulis berpandangan bahawa mengkaji hubungan Indonesia-Malaysia dari segi kepentingan struktur antarabangsa dengan menggunakan pendekatan teori yang lebih tepat dapat menjawab kekurangan dalam kajian-kajian lepas. Oleh yang demikian, kajian yang akan dibicarakan dalam tesis ini diharapkan mampu memberi jawapan terhadap kelemahan beberapa kajian lepas. Secara lebih spesifik, kajian ini dapat memberikan jawapan tentang faktor-faktor yang amat mempengaruhi perubahan hubungan luar Indonesia terhadap Malaysia khususnya dalam konteks kes Ambalat dan TKI. Kajian ini

---

<sup>48</sup> Joseph Chinyong Liow, *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nations* (London: Routledge Curzon, 2005).

<sup>49</sup> Abubakar Eby Hara, "Hubungan Indonesia dan Malaysia: dari Saudara Serumpun ke 'Smart Partnership'?", kertas kerja dibentangkan di Seminar Internasional Indonesia-Malaysia Up Date, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia, 27-29 Mei, 2008

<sup>50</sup> Ahmad Nizar Yaakub, *Malaysia and Indonesia: A Study of Foreign Policies with Special Reference to Bilateral Relations* (Ph.D. Thesis, The University of Western Australia, 2009)

berpandangan bahawa perubahan struktur antarabangsa adalah faktor penentu yang dapat mempengaruhi hubungan dua hala Indonesia-Malaysia. Hal ini tidak bermakna bahawa faktor-faktor lain seperti politik dalaman, identiti dan kepemimpinan tidak penting. Sebaliknya, struktur antarabangsa mampu memberi impak kepada faktor-faktor tersebut dan seterusnya akan berimpak terhadap hubungan kedua-dua negara.

Dalam pada itu, di tengah-tengah pertembungan di antara teori-teori utama hubungan antarabangsa iaitu Realisme, Liberalisme dan Konstruktivisme, teori Realisme Defensif yang mengutamakan struktur antabangsa dinilai paling sesuai untuk menganalisis kajian ini. Secara lebih lanjut perkara ini akan dibincang dalam bab kedua berkaitan teori. Oleh kerana itu, kajian ini berusaha untuk menjawab soalan penting iaitu:-

- i. Bagaimanakah perubahan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia?;
- ii. Bagaimanakah dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam kes Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI)?;
- iii. Bagaimanakah pengaruh struktur antarabangsa dalam menjelaskan perubahan corak dan tingkah laku dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam isu Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI)?.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat empat objektif utama dalam kajian ini, iaitu:

- a. Membincangkan corak dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam konteks pembangunan hubungan dua hala Indonesia-Malaysia;
- b. Menganalisis dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam kes Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) dan faktor-faktor yang mempengaruhinya;

- c. Menganalisis kesesuaian Realisme Defensif bagi menjelaskan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam isu Ambalat dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI);

## 1.5 Hipotesis Kajian

Dalam penyelidikan ini hipotesis kajian bukan untuk diuji sebagaimana hipotesis kajian saintifik. Ia berperanan sebagai panduan berfikir dalam usaha untuk memahami situasi tertentu, atau individu, kumpulan, (sub) kebudayaan dan lain-lain.<sup>51</sup>

Dalam kajian ini terdapat dua hipotesis iaitu:

1. Dasar luar Indonesia terhadap Malaysia khususnya dalam kes Ambalat dan TKI mengalami perubahan disebabkan berubahnya struktur politik dalaman (*domestic politics*) dan kepemimpinan (*idiosyncratic*).
2. Berubahnya struktur politik dalaman (*domestic politics*) dan kepemimpinan (*idiosyncratic*) disebabkan pengaruh struktur politik antarabangsa (*international structure*).

## 1.6 Kerangka Teori

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori Realisme Defensif. Teori ini amat bersesuaian dalam menganalisis dasar luar Indonesia terhadap Malaysia disebabkan ianya memandang penting peranan struktur antarabangsa dalam mempengaruhi hubungan antarabangsa. Meskipun Realisme Defensif mengutamakan kepentingan struktur antarabangsa, namun ia turut mengambil kira secara tidak langsung peranan pembolehubah domestik dalam menentukan hubungan luar

---

<sup>51</sup> Sila lihat Pedro F. Bendassolli, "Theory Building in Qualitative Research: Reconsidering the Problem of Induction [50 paragraphs]," *Forum Qualitative Sozialforschung / Forum: Qualitative Social Research* 14, no.1 (2013), Art. 25, <http://nbnresolving.de/urn:nbn:de:0114fqs1301258>. (diakses 2 Ogos 2015).

sesebuah negara. Secara spesifik, teori Realisme Defensif mengandaikan bahawa naik-turunnya keupayaan pembolehubah domestik dalam mempengaruhi hubungan antarabangsa adalah disebabkan tingkat tekanan struktur antarabangsa. Dengan menekankan kepentingan struktur antarabangsa ianya akan menjawab kekurangan-kekurangan kajian lepas yang kurang membahas secara lebih rinci kepentingan struktur antarabangsa dalam satu kerangka teori yang lengkap.

Antara kajian-kajian lepas juga telah menyentuh tentang peranan faktor antarabangsa dalam mempengaruhi hubungan luar Indonesia terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak secara langsung menyebut tentang kepentingan struktur antarabangsa sebagai faktor yang amat penting dalam menjelaskan hubungan Indonesia terhadap Malaysia. Demikian juga dengan pelbagai kajian yang bertumpu kepada kepentingan politik dalaman dan identiti kedua-dua negara, kajian-kajian tersebut tidak dapat menjelaskan secara langsung bahawa struktur antarabangsa mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi pelbagai faktor termasuk terhadap politik dalaman. Begitu juga dengan tema-tema kerjasama dan keserantau yang berlaku dalam hubungan luar kedua-dua negara adalah lebih ditentukan oleh perubahan-perubahan di peringkat antarabangsa terutamanya oleh perubahan struktur antarabangsa.

Oleh itu, Realisme Defensif menjadi pilihan yang bersesuaian memandangkan andaian-andaianya yang boleh menjelaskan kepentingan struktur antarabangsa dalam mewarnai perubahan corak dasar luar Indonesia terhadap Malaysia khasnya dalam kes Ambalat dan TKI tanpa meminggirkan peranan pembolehubah domestik yang bersifat material dan bukan-material. Meskipun faktor-faktor lain seperti politik dalaman,

kepemimpinan dan identiti mempunyai peranan yang penting, namun teori Realisme Defensif berpandangan bahawa struktur antarabangsa adalah lebih penting dalam mempengaruhi dasar luar Indonesia terhadap Malaysia. Perbincangan yang lebih lanjut berhubung kesesuaian teori ini akan dilakukan dalam bab seterusnya.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini menumpukan kepada dua kes yang menjadi keutamaan dalam dasar luar Indonesia terhadap Malaysia pada era pentadbiran Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (2004-2009). Kedua-dua kes tersebut ialah kes Ambalat dan kes Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Selain memberi kesan kepada hubungan dua hala, kedua-dua kes pula menimbulkan satu isu yang menarik disebabkan adanya perbezaan corak tindakan dan sikap dasar luar Indonesia terhadap Malaysia. Selain itu, ianya pula dikaitkan dengan pengaruh struktur politik antarabangsa, seperti mana yang disarankan dalam teori Realisme Defensif. Pelaku yang akan menjadi fokus analisis, sesuai dengan konsep teori Realisme Defensif adalah *state* (Indonesia dan Malaysia) dan para elit khususnya para elit kerajaan Indonesia. Kajian ini lebih menumpukan kepada tingkah laku dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dan bukannya suatu pendekatan dan perbandingan antara dua negara.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dari segi:

- a. Menjelaskan tentang perubahan dalam dasar luar Indonesia terhadap Malaysia khususnya dalam kes Ambalat dan TKI serta faktor-faktor yang mempengaruhinya;

- b. Mengetahui sejauh manakah struktur antarabangsa mempengaruhi dasar luar Indonesia terhadap Malaysia;
- c. Memperkayakan kajian hubungan antarabangsa khususnya mengenai dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam mana hasil kajian diharapkan dapat memberi perspektif yang mendalam kepada kerajaan Indonesia dan Malaysia sebagai bahan pertimbangan untuk meningkatkan hubungan diplomatik di masa yang akan datang;
- d. Menyumbang kepada pembangunan pendekatan realisme dalam menerangkan fenomena hubungan antarabangsa.

## 1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Kaedah kajian kualitatif adalah reka bentuk kajian fleksibel kerana tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian.<sup>52</sup> Menurut Robson, reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan “terbuka” seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif biasanya mengguna persoalan seperti, bagaimana, apa, dan mengapa.<sup>53</sup> Kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu.<sup>54</sup> Kaedah yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kajian kualitatif disesuaikan dari bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Kajian kualitatif menurut Bryman adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis.<sup>55</sup>

---

<sup>52</sup> William M. Trochim, *The Research Methods Knowledge Base, 2nd Edition*, Internet WWW page, at URL: <<http://www.socialresearchmethods.net/kb/>> (version current as of October 20, 2006). (diakses 31 Januari 2016).

<sup>53</sup> Colin Robson, *Real world research, 3<sup>rd</sup> Ed.* (Chichester: John Wiley and Sons Ltd. 2011).

<sup>54</sup> Trochim, *ibid.*

<sup>55</sup> Alan Bryman, *Social Research Methods, 3<sup>rd</sup> Ed.*, (New York: Oxford University Press, 2008).

Sementara itu, Hale menegaskan bahawa reka bentuk kualitatif tidak boleh dianggap sebagai kajian disertasi yang rendah kualitinya.<sup>56</sup> Hal ini terbukti dengan penerimaan pendekatan kualitatif yang semakin popular dan diterima dalam kalangan pengkaji pelbagai bidang termasuk kajian dasar era kontemporari.<sup>57</sup> Selain itu, reka bentuk kajian kualitatif dipilih kerana sesuai untuk kajian disertasi.<sup>58</sup> Penglibatan secara langsung antara pengkaji dengan responden pula dipercayai dapat memberi penemuan dan gambaran yang tepat berbanding reka bentuk lain. Dalam hal ini fokus kajian penulis ialah sebagaimana telah dijelaskan dalam skop kajian iaitu berkaitan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam kes Ambalat dan TKI dalam pada era pentadbiran Presiden SBY (2004-2009). Kajian ini berusaha untuk mengumpul sebanyak mungkin data dan maklumat yang berkaitan dengan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia berkaitan kedua-dua kes tersebut.

### **1.9.1 Teori dan Kajian kes**

Menganalisis kes dengan menggunakan teori tertentu adalah suatu yang lazim dalam kajian kualitatif. Menurut Yin penggunaan teori untuk menganalisis suatu kes dapat membantu pengkaji meningkatkan kesahihan penyelidikan apabila teori diformulasikan dengan jelas.<sup>59</sup> Begitu pula kajian kes juga antara kaedah popular yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif.<sup>60</sup> Kaedah kajian kes berusaha melakukan penyelidikan secara mendalam dengan menggunakan sampel bertujuan (*purposive*

---

<sup>56</sup> M.L.Hale, "Paradigmatic shift in library and information science," in *Library and information science research: Perspectives and strategies for improvement*, eds. C.R. McClure & P. Herson, (Norwood: Ablex Publishing Corporation, 1991), 336-346.

<sup>57</sup> Jack Meadows, "Fifty years of UK research in information science," *Journal of Information Science* 34, no. 4 (2008): 403-414.

<sup>58</sup> Michael Quinn Patton, *Qualitative research & evaluation methods, 3<sup>rd</sup> Ed.*, (London: Sage Publications, 2002).

<sup>59</sup> Robert K. Yin, *Case Study Research Design and Methods, 4<sup>th</sup> Ed.*, (Thousand Oaks, CA: Sage, 2009).

<sup>60</sup> Ibid.



*samples*) untuk memahami sebuah fenomena.<sup>61</sup> Selain itu, jenis penyelidikan ini seringkali menggunakan sampel yang lebih kecil tetapi bertumpu berbanding sampel dengan bilangan besar.<sup>62</sup> Justeru, kajian kes dapat digunakan dalam banyak situasi serta menjadi strategi kajian yang biasa dalam bidang psikologi, sosiologi, sains politik, kerja sosial, perniagaan dan perancangan komuniti.<sup>63</sup> Yin turut menjelaskan bahawa kajian kes boleh diadaptasi dalam semua fasa reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan pelaporan.<sup>64</sup>

Dalam kajian ini penulis menggunakan teori Realisme Defensif untuk menganalisis dasar luar Indonesia terhadap Malaysia dalam kes Ambalat dan TKI. Adapun model analisis boleh dirujuk dalam Bab 2 yang membincangkan teori dan model tersebut.<sup>65</sup> Secara spesifik, sebagaimana Rose menyebutkan bahawa analisis ini menggabungkan pembolehubah sistemik (pembolehubah bebas) dan pembolehubah domestik (pembolehubah berselang) untuk mengetahui corak dan kelakuan dasar luar (pembolehubah bergantung).<sup>66</sup> Oleh kerana itu, tumpuan kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimanakah bentuk dasar luar Indonesia dalam kes Ambalat dan TKI, dan adakah faktor sistemik dan domestik yang mempengaruhi dasar dalam kedua-dua kes. Menurut model tersebut, struktur antarabangsa yang menjadi keutamaan dalam teori Realisme Defensif adalah pembolehubah bebas, sedangkan faktor-faktor dalaman seperti kepimpinan, persaingan antara elit politik, nasionalisme dan peranan media adalah pembolehubah berselang.

---

<sup>61</sup> Julie Ann Racino, *Policy, Program Evaluation and Research in Disability: Community Support for All* (London: Haworth Press, 1999).

<sup>62</sup> David Braddock, Lynn Bachelder, Richard Hemp, and Glenn Fujiura, *The State of the States in Developmental Disabilities (4th Edition)* (Washington, DC: American Association on Mental Retardation, 1995).

<sup>63</sup> Yin, *ibid.*

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Sila lihat Rajah 2.3 di Bab 2.

<sup>66</sup> Gideon Rose, "Neoclassical Realism and Theories of Foreign Policy," *World Politics* 51, no. 1 (October 1998): 144-172, 153.

### 1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

Secara spesifik sumber data utama kajian ini adalah bersumber daripada:- i) dokumen rasmi yang tersedia misalnya penerbitan rasmi, laporan tahunan, dan kertas putih (*white papers*) daripada agensi/kementerian berkaitan; dan ii) maklumat terkait yang diterbitkan dalam pelbagai bentuk misalnya kenyataan rasmi, kenyataan media (*press statements*), dan laporan media/komentari/perdebatan/temu bual menerusi akhbar, majalah dan dalam talian (internet). Seterusnya, terdapat beberapa sumber berita yang dinilai sebagai sumber empirikal penting dalam menyokong kajian ini. Adapun sumber berita utama tersebut ialah Kompas, Tempo dan Viva di samping beberapa agensi lain sama ada dari Indonesia mahupun Malaysia juga digunakan agar analisis semakin komprehensif. Maklumat daripada agensi berita tersebut secara amnya diperolehi menerusi dalam talian.

Seterusnya, kajian ini juga dilengkapi dengan data lapangan menerusi temu bual tidak berstruktur (*non-structured interview*). Temu bual dilakukan dengan pihak-pihak yang terkait dengan pembuatan dasar luar Indonesia seperti para pegawai kementerian luar, pakar, pensyarah dan penyelidik dalam bidang hubungan antarabangsa khususnya hubungan Indonesia-Malaysia. Antara pihak yang berjumpa ditemu bual selama menjalankan penyelidikan lapangan adalah *Minister Counsellor for Political Affairs*, Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur, Konsulat Indonesia di Pulau Pinang dan Kementerian Luar Malaysia serta beberapa pakar dari Indonesia termasuk bekas Gabenor Bank Indonesia era Suharto. Tidak kurang pentingnya adalah ahli-ahli dan pakar tersebut sangat berpengetahuan mengenai dasar luar Indonesia terhadap Malaysia. Akses kepada responden berasal dari gabungan strategi, termasuk kenalan peribadi, pengenalan dengan cara bersemuka mahupun menerusi

emel. Pendapat dan perspektif para ahli dan pakar tersebut semakin mempertajam analisis dalam tesis ini.

Selain itu, sumber data tersebut yang menyediakan pelbagai maklumat misalnya berkaitan data statistik dan pendapat orang ramai berkaitan isu Ambalat dan TKI semakin melengkapkan analisis kajian ini. Sudah semestinya data-data tersebut dianalisis berdasarkan apa yang menjadi tumpuan kajian ini iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi dasar luar Indonesia terhadap Malaysia berkaitan isu Ambalat dan TKI sebagaimana yang ditawarkan oleh teori Realisme Defensif. Justeru, beberapa data yang berasal daripada pelbagai kajian lepas akan meningkatkan kualiti kajian ini terutamanya berkaitan dengan pendekatan teori, pendapat dan analisis kritikal yang dapat membantu memperdalam ilmu dan kefahaman ke atas persoalan kajian. Dengan demikian, dapat diketahui secara mendalam dan komprehensif latar belakang, sebab-sebab, senario dan sikap dasar luar Indonesia terhadap Malaysia yang sebenarnya berkaitan kedua-dua kes tersebut.

Dalam kajian ini penulis berjaya mendapatkan data-data tersebut yang berasal daripada penerbitan rasmi dan berhubungkait langsung dengan dasar luar Indonesia khususnya kes Ambalat dan TKI. Antara data-data yang berjaya dikumpulkan ialah sumber rujukan utama (91), media massa [65 artikel yang terdiri daripada:- Al Jazeera (1), Kantor Berita Antara (3), BBC Indonesia (1), Buruh Migran (1), Detik (1), Gatra (6), Jakarta Post (1), Jawa Pos (4), Kilas Berita (1), Kompas (12), Liputan 6 (1), Malaysia Kini (1), Migrant Care (3), Milinea Muslim (1), Okezone (2), PAB-Online (1), Republika (1), Suara BUMI-Asosiasi Tenaga Kerja Indonesia (1), Suara Merdeka (3), Tempo (14), Utusan Malaysia (1), Viva (5)], dan penerbitan agensi kerajaan

Indonesia [18 naskah yang terdiri daripada:- Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan Tenaga Kerja Indonesia (5), Badan Pusat Statistik (2), Buletin Konsulat RI (1), Kementerian Luar Indonesia (1), Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur (3), Partai Hanura (1), Badan Pemeriksa Keuangan (1), Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi (1), Peraturan Pemerintah Republik Indonesia (1), Sekretariat Kabinet Indonesia (1), Sekretariat Negara Republik Indonesia (1). Adapun bilangan responden yang berjaya ditemubual adalah 7 responden (dalam Lampiran).

### **1.9.3 Kaedah Analisis Data**

Analisis data adalah suatu mekanisme yang dilakukan penyelidik untuk meneliti secara rinci semua data dan maklumat empirikal untuk memperoleh kesimpulan. Kesimpulan diperoleh selepas melalui pertimbangan dan analisis akademik ke atas data-data yang diperoleh.<sup>67</sup> Dengan kata lain, analisis data adalah proses menghubungkan antara teori dan data serta kajian terdahulu yang telah diteliti, dilihat, dipelajari dan dibaca.<sup>68</sup>

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan pendekatan analisis kandungan (*content analysis*) untuk menganalisis data. Analisis kandungan dijalankan dengan menganalisis secara sistematik ke atas kandungan data-data yang menjadi sumber utama kajian ini. Menurut Creswell, analisis kandungan adalah salah satu teknik khas bagi kajian kualitatif.<sup>69</sup> Beberapa pakar memberi definisi bahawa analisis kandungan sebagai teknik kajian yang amat berguna bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks (atau bahan lain yang bermakna) bagi konteks yang diguna.

---

<sup>67</sup> W. Laurence Newman, *Basic of Social Research: Qualitative and Quantitative Approaches* (Boston, MA: Pearson Education, Inc, 2007), 328.

<sup>68</sup> Corrine Glesne, *Becoming qualitative researchers: An introduction (2nd ed.)*. (Don Mills, Ontario, Canada: Longman, 1999), 130.

<sup>69</sup> John W. Creswell, *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches, 3<sup>rd</sup> Ed.*, (Los Angeles: Sage, 2009).